

30 DEC 1997

HARAPAN TERHADAP RINGGIT UNTUK STABIL DALAM JANGKA PENDEK

Laporan akhir tahun

Oleh: Jeffri Mohd Rafiee

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Ringgit, yang diporak perandakan oleh spekulator dan seterusnya menyebabkan kehilangan keyakinan pelabur terhadap mata wang dan pasaran saham, dijangka akan stabil dalam temoh jangka pendek, kata peniaga-peniaga.

Kepantasan pemulihan itu, bagaimanapun, bergantung kepada prestasi ekonomi serantau kerana prestasi Malaysia sendiri dijangka tidak mampu menghidupkan semula keyakinan dalam ekonomi, kata mereka.

"Pasaran kewangan (Barat) melihat ekonomi-ekonomi Asia Tenggara sebagai satu ekonomi tunggal," kata Tun Daim Zainuddin, penasihat ekonomi kepada kerajaan, ketika memberi ucapan kepada anggota Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MACPA) di sini, baru-baru ini.

"Asas-asas ekonomi berbeza tetapi ia tidak dipedulikan oleh pedagang-pedagang mata wang," kata Daim yang kini memegang jawatan sebagai pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), badan khas yang ditubuh oleh kerajaan untuk menangani krisis ekonomi negara.

Cabaran-cabaran ekonomi yang dihadapi oleh Malaysia dan ekonomi serantau lain dikaitkan sepenuhnya dengan pergolakan dalam pasaran mata wang yang dicetuskan oleh serangan spekulatif terhadap baht Thai.

Kejatuhan dalam baht Thai kemudiannya disemarakkan oleh "kesan jangkitan" yang merebak tanpa sempadan hingga ke seluruh rantau ini di mana negara-negara terbabit mengalami defisit akaun semasa yang tinggi.

Malaysia juga tidak terkecuali daripada "jangkitan" itu apabila ringgit yang sebelum ini stabil pada paras antara RM2.45 dan RM2.55 berbanding dolar AS kerana ia mencerminkan kekukuhan asas serta kestabilan ekonomi, secara tiba-tiba diketepikan oleh pedagang mata wang.

Dalam tempoh sepanjang enam bulan, ringgit merosot sebanyak kira-kira 36 peratus daripada RM2.52 berbanding satu dolar AS pada Jun, kepada RM3.94 pada pertengahan Dis.

Pada 29 Dis, ringgit berada pada paras 3.8940/90 berbanding dolar AS daripada 2.5270 pada 31 Dis, 1996.

Unit tempatan itu juga jatuh menjunam berbanding dolar Singapura kepada 2.3276/33 daripada 1.8054, berbanding yen kepada 2.9926/76 daripada 2.1747 dan berbanding deutschemark kepada 2.1939/74 daripada 1.6255 sebelumnya.

Berbanding paun sterling, ringgit jatuh kepada 6.5295/17 daripada 4.2807 pada penghujung tahun 1996.

Permulaannya Malaysia mengakui mengalami defisit akaun semasa yang besar. Tetapi keadaan itu mula bertambah baik apabila kerajaan mengambil tindakan pantas dengan melaksanakan pengurusan ekonomi yang berhemat.

Asas-asas ekonomi Malaysia adalah sempurna malahan sebelum serangan spekulatif. Mungkin, ia menjadi salah satu sebab mengapa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengkritik pedagang mata wang dunia terhadap serangan manipulasi mereka, terutama pihak yang mengendalikan dana lindung nilai yang dilanggan oleh golongan hartawan yang mahu mendapat pulangan purata tinggi.

Dr Mahathir menyarankan peraturan ketat dan ketelusan yang lebih besar dalam perdagangan mata wang. Mata wang, yang sebelum ini hanya semata-mata digunakan untuk pertukaran, kini dijadikan sebagai komoditi yang boleh dijual beli untuk mengaut keuntungan.

Dalam usaha mendapatkan keuntungan besar, spekulator mata wang seperti George Soros melihat Thailand sebagai "lombong emas" mereka berdasarkan kepada sektor kewangan dan hartanah negara itu yang begitu panas.

Spekulator mata wang menjual baht dalam jangka pendek, mencetuskan campur tangan oleh Bank of Thailand bagi mempertahankan baht tetapi kemudiannya kehilangan kira-kira AS\$10 bilion daripada rizabnya. Akhirnya bank pusat Thailand terpaksa tunduk dengan keadaan dan membenarkan baht diapungkan.

Sejurus selepas itu, lebih banyak spekulator menyertai "permainan kotor" itu dan mengenalpasti rupiah, peso serta ringgit sebagai sasaran mereka.

Apabila ringgit diserang, Bank Negara Malaysia berusaha mempertahankan mata wang tetapi kemudiannya terpaksa menggugurkan pertahanan mereka. Bank-bank pusat lain di rantau ini termasuk Korea Selatan juga cuba mempertahankan mata wang masing-masing tetapi menemui kegagalan.

Thailand, Indonesia, Filipina dan Korea Selatan meminta bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang mengenakan syarat-syarat ketat, dalam usaha mereka untuk memulihkan ekonomi. Pakej penyelamat IMF, bagaimanapun, masih juga belum berjaya menyelesaikan krisis itu.

Sehubungan perkara itu, Malaysia berusaha untuk mengelak daripada mendapatkan bantuan dari IMF. Malaysia memberikan banyak alasan bagi pendirian tegas itu. Pertama sekali adalah kedudukan negara tidak begitu teruk seperti yang dialami oleh negara jirannya yang lain.

Kedua, syarat-syarat ketat yang dikenakan oleh IMF yang dianggap sebagai "penawar ekonomi" itu masih belum membuahkan sebarang hasil di beberapa negara terbabit yang menerima bantuannya.

Krisis mata wang, yang menyebabkan kehilangan keyakinan pelabur terhadap ekonomi rantau ini, membuatkan Malaysia bertindak segera untuk memberi cadangan tentang keperluan bagi ketelusan lebih besar dalam perdagangan mata wang.

Dalam banyak persidangan antarabangsa di peringkat tertinggi seperti sidang kemuncak Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Vancouver, sidang kemuncak negara-negara membangun Kumpulan G-15 di Kuala Lumpur dan mesyuarat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) di Hong Kong, pegawai-pegawai Malaysia menjelaskan dengan panjang lebar paradoks perdagangan mata wang.

Walaupun ramai yang telah mula menyedari menegnai bahaya perdagangan mata wang yang tidak berdisplin serta keperluan bagi ketelusan, penyelesaian yang praktikal masih belum ditemui.

Bagi pihak kerajaan, ia telah memulakan usaha-usaha keras dalam perbelanjaan Belanjawan 1998 bagi memulihkan kestabilan dalam mata wang dan pasaran saham.

Langkah-langkah ketat juga dikenakan bagi menangani kebimbangan pelabur terhadap defisit akaun semasa yang besar serta pertumbuhan pinjaman tinggi terutama dalam sektor tidak produktif.

Bagaimanapun, banyak pihak yang merasakan Malaysia bersendirian tidak mampu menyediakan penyelesaian kepada krisis itu kerana pasaran kewangan global masih melihat negara ini menjadi sebahagian daripada entiti besar dan menganggap ekonomi-ekonomi Asia Tenggara sebagai satu ekonomi tunggal.

Atas alasan itu, mereka menyatakan kunci ke arah pemulihan ringgit bergantung kepada kerjasama serta pemulihan ekonomi serantau. -- BERNAMA

JR ZK